

Berdamai dengan alam demi selamatkan Tasik Chini

[FOTO FARIZUL HAFIZ AWANG/BH]

Hati saya tersentuh membaca kisah menyedihkan Tasik Chini yang keadaannya didakwa disebabkan penerokaan tanah dan perlombongan berleluasa di kawasan berhampiran.

Turut dilaporkan tasik air tawar kedua terbesar di negara itu juga mungkin kehilangan status tapak rizab biosfera di anugerahkan Pertubuhan Pendidikan, Sains dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO), jika tiada langkah segera diambil untuk mengatasi masalah berkaitan.

Tasik Chini yang meliputi kawasan seluas 5,084 hektar, kaya dengan kepelbagaian flora dan fauna. Ia menjadi habitat 87 spesies ikan air tawar, 189 spesies burung, 51 spesies hutan tanah pamah, 15 spesies hutan paya air tawar dan 25 spesies tumbuhan akuatik.

Bekas Pengarah Pusat Penyelidikan Tasik Chini Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Profesor Datuk Seri Mushrifah Idris baru-baru ini mendedahkan aktiviti penerokaan tanah dan perlombongan berleluasa akan memberikan kesan besar kepada tasik itu dan juga negara.

Laporan dikeluarkan UKM pada 2010 turut mendedahkan sistem ekologi Tasik Chini kritikal dan menuju kemusnahan. Ia mendorong Transparency International Malaysia dan beberapa rakan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) memulakan kempen peringkat kebangsaan untuk menyelamatkannya.

Bolehkah sesuatu dilakukan untuk menangani masalah ini dan bolehkah kita melaksana-

B/HARIAN 26/2/19
MS 78



Kawasan hutan diteroka dipercayai untuk kegiatan melombong secara haram di Tasik Chini.

kan anjakan paradigma pembangunan baharu yang mampu 'berdamai' dengan alam sekitar?

Sebagai pemimpin politik, pemimpin masyarakat dan rakyat, kita boleh dan perlu melaksanakannya.

Kawal aktiviti teroka tanah
Pertama, pihak berkuasa perlu mengawal aktiviti penerokaan tanah dan perlombongan berhampiran Tasik Chini dan memastikan ia tidak menjejaskan alam sekitar.

Kerajaan negeri perlu berbilang dengan pakar yang menjalankan pelbagai kajian di Tasik Chini, selain mendapatkan

nasihat daripada agensi berkaitan seperti Jabatan Alam Sekitar.

Sebuah badan khas perlu ditubuhkan untuk membantu menguruskan Tasik Chini dan melaksanakan program pemulihan menyeluruh bagi memperbaiki keadaan.

Kita perlu bergerak pantas kerana UNESCO akan menjalankan audit terhadap status rizab biosfera tasik itu dari bulan Mei hingga September tahun ini.

Pihak berkuasa harus menyedari bahawa mereka perlu mengadakan 'perdamaian' dengan alam sekitar kerana ia dapat membantu mencegah bencana

alam seperti tanah runtuh, banjir dan bencana lain.

Wajar untuk kita mempergiatkan usaha memelihara alam semula jadi kerana persekitaran kondusif akan memastikan generasi masa depan dapat mewarisi negara yang selamat dan mesra.

Jika enggan 'berdamai' dengan alam semula jadi, kita perlu membayar harga tinggi kerana gagal menjaga dan prihatin terhadap alam sekitar, selain tidak mengambil langkah positif melindunginya.

Tan Sri Lee Lam Thye
Aktivis masyarakat